

Sebanyak 61 peratus penularan berlaku pada kanak-kanak 6 tahun ke bawah

Kes HFMD tertinggi di KL, Putrajaya

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**

PUTRAJAYA – Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi negeri tertinggi mencatatkan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) iaitu 562 wabak bersamaan 32.2 peratus daripada 1,746 kes dilaporkan di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor pula berada pada kedudukan kedua iaitu 208 wabak bersamaan 11.9 peratus dan Sarawak, 206 wabak bersamaan 11.8 peratus.

Tahun ini, katanya, bagi kes terkumpul sehingga 4 Jun 2022, Selangor menyumbang jumlah kes tertinggi berbanding negeri lain iaitu 23,305 kes bersamaan 28.13 peratus.

Ujar beliau, ia diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 9,540 kes (11.52 peratus), Perak 8,032 kes (9.70 peratus), Kelantan 5,782 kes (6.98 peratus) dan Johor 5,234 kes (6.32 peratus) sementara negeri-negeri lain pelaporan kes HFMD sekitar atau kurang dari-



PENULARAN kes HFMD dikesan paling tinggi berlaku di taska, tadika dan pra sekolah. – AFP

pada 4,600 kes.

“Kes HFMD banyak berlaku kepada kanak-kanak berumur 6 tahun ke bawah iaitu sebanyak 74,841 kes (90 peratus), diikuti kumpulan umur 7 hingga 12 tahun seramai 6,520 kes (8 peratus), manakala selebihnya berumur lebih 12 tahun iaitu seramai 1,485 kes (2 peratus)

“Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tabika, tadika dan prasekolah iaitu 1,059 wabak (61 peratus) diikuti oleh rumah persendirian dengan 605 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 56 wabak (3 peratus),” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, Ketua Jabatan dalam perkhidmatan awam untuk mengambil berat berkenaan cuti yang diberikan mengikut peruntukan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian S.R.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) yang telah ditambah baik dan berkuat kuasa 4 Mac 2022.